

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA (EPS)
AKTA SEWA BELI 1967

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu individu yang berminat untuk memohon Permit Ejen Pemilikan Semula mengikut Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) (Pindaan)2011.

2. SYARAT KELAYAKAN

Mana-mana orang yang ingin memohon permit untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli hendaklah memenuhi keperluan yang berikut:

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun
- (b) seorang warganegara Malaysia:dan
- (c) apa-apa keperluan lain yang boleh ditentukan oleh Pengawal

(seperti di dalam Peraturan 4.(1))

3. KAEDAH PERMOHONAN

• **Baru**

- (i) Pemohon hendaklah mengisi borang ASB 1 yang boleh didapati di kaunter Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang berhampiran atau muat turun di laman sesawang KPDNKK di alamat www.kpdnkk.gov.my.
- (ii) Pemohon hendaklah **megepos atau menghantar sendiri** borang yang sudah lengkap diisi ke :

**Kaunter Khidmat Pelanggan Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan
Kepenggunaan
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
Aras G, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya**

ATAU

**Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di setiap Negeri
(alamat lengkap boleh didapati di www.kpdnkk.gov.my)**

***nota:**

pemohon digalakkan menghantar permohonan ke Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang berhampiran dengan tempat tinggal bagi memudahkan urusan serahan kad permit EPS apabila telah siap dan urusan pembaharuan kelak.

- (iii) Dokumen-dokumen sokongan yang **wajib** disertakan bersama borang ASB-1 adalah seperti berikut :
- (a) Borang ASB 1
- Dua(2) salinan, jika permohonan dibuat di Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (PPDNKK Negeri)
 - Satu(1) salinan borang ASB1, jika permohonan dibuat di Ibu Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya
- (b) Satu(1) salinan kad pengenalan pemohon
- (c) Dua (2) keping gambar berukuran pasport

• **Pembaharuan**

- (i) Permohonan bagi pembaharuan Permit EPS hendaklah dikemukakan **sebulan sebelum** tarikh tamat sah laku permit.
- (ii) Permohonan ini hendaklah dikemukakan ke tempat asal di mana permohonan baru dikemukakan. Tempat asal permohona baru dibuat boleh dikenalpasti melalui nombor permit yang tertera di kad permit EPS pemohon.
- (iii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii)

• **Salinan**

- (i) Permohonan permit pengganti hendaklah disertakan bersama laporan polis
- (ii) Pemohonan dikehendaki melengkapkan borang ASB 1 dan dokumen-dokumen sokongan seperti di para 3(iii)

4. BAYARAN PERMIT

Bayaran hendaklah dibuat secara **KIRIMAN WANG (MONEY ORDER), WANG POS (POSTAL ORDER)** atau **BANK DRAF**

Jenis Permohonan	Bayaran (RM)	Tempoh
Permohonan Baru	20	2 tahun
Permohonan Pembaharuan	20	2 tahun
Permohonan Salinan	20	-

(seperti di dalam Jadual fi Peraturan 9)

***nota:**

Bayaran hendaklah dilakukan **setelah kelulusan permohonan** dimaklumkan kepada pemohon.